



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KESAN LATIHAN WACANA SECARA SISTEMATIK TERHADAP
KEMAHIRAN MENULIS ESEI ARGUMENTATIF**

FBMK 2005 15

**KESAN LATIHAN WACANA SECARA SISTEMATIK
TERHADAP KEMAHIRAN MENULIS ESEI ARGUMENTATIF**

Oleh

ALI BIN HAJI MAHMOOD

**Tesis Ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

April 2005



DEDIKASI

Penghasilan tesis ini dapat dilaksanakan kerana wujudnya pengorbanan daripada isteri dan anak-anak yang tidak jemu-jemu dan sanggup membuangkan keselesaan masing-masing

**Untuk isteri yang tercinta;
Anak-anak yang tersayang;**

**Norizan binti Ab. Jabar
Siti Nur Hifdzan
Muhammad Hafidz
Siti Nur Hadirah
Siti Nur Hanisah**

Mudah-mudahan segala pengorbanan kalian diberkati oleh Allah Subhanahuwataala.



Abstrak tesis yang di kemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah.

**KESAN LATIHAN WACANA SECARA SISTEMATIK
TERHADAP KEMAHIRAN MENULIS ESEI ARGUMENTATIF**

Oleh

ALI BIN HAJI MAHMOOD

April 2005

Pengerusi : Profesor Madya Shameem Binti Rafik Khan, PhD

Fakulti : Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan ini cuba mendapatkan data tentang Kesan Latihan Wacana Secara Sistematik (LWSS) Terhadap Kemahiran Menulis di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat, di dua buah sekolah menengah harian di daerah Hulu Langat, dan sebuah sekolah menengah harian di daerah Banting, Selangor Darul Ehsan. Tujuan penyelidikan ini dibuat adalah untuk mengenal pasti sama ada berlaku perubahan tingkah laku pembelajaran atau pun tidak dalam kalangan sampel penyelidikan ini hasil daripada LWSS. Data penyelidikan dikumpulkan melalui dua fasa, iaitu fasa ujian pra (UB) dan fasa ujian pasca (US) untuk mengenal pasti kesan LWSS terhadap kemahiran pembinaan ayat yang berwacanakan wacana argumentatif, penganalisan ciri-ciri wacana, penggunaan penanda wacana dan penulisan esei argumentatif.

Soal selidik digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat tentang pencapaian BM dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan tentang pembelajaran



BM. Item-item dalam ujian pra dan pasca direkabentuk untuk mendapatkan data tentang penguasaan sampel bagi aspek penulisan, penganalisan, penggunaan dan penulisan wacana argumentatif.

Kerangka teoretis penyelidikan ini berdasarkan Teori Matlamat Wacana Kineavy (1971) dengan sokongan Model Wacana Toulmin's (1998) dan Gaya Penulisan Litullipe (1996). Teori dan Model ini diubahsuai dengan pembentukan Kerangka Konseptual Penyelidikan untuk memperoleh data yang tepat berdasarkan Ujian Pasca-Ujian Pra setelah olahan dilakukan terhadap sampel.

Hasil perkiraan ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang berprestasi tinggi (PBT) dengan pelajar yang berprestasi sederhana (PBS) dan pelajar yang berprestasi rendah (PBR) dalam aspek pembinaan ayat argumentatif, penggunaan penanda wacana dan penulisan esei argumentatif. Analisis varian (ANOVA) pula digunakan untuk menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kumpulan PBT dengan PBS dan PBR dan dalam kumpulan. Walau bagaimanapun, PBT telah menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan PBS dan PBR. Untuk mengukuhkan dapatan, penyelidik telah menggunakan data kualitatif bagi menyokong dapatan daripada data kuantitatif.

Ternyata bahawa, LWSS amat sesuai digunakan sebagai modul latihan bagi penulisan pelbagai jenis esei. Keputusan penyelidikan menunjukkan bahawa LWSS boleh disesuaikan bagi golongan pelajar yang cerdas dan kurang cerdas. Oleh sebab itu, jika

LWSS digunakan dalam latihan dan pengajaran dan pembelajaran BM, teknik ini akan menjadi salah satu teknik yang menarik dan menyeronokkan para pelajar.

Seterusnya, dapatan penyelidikan ini telah menghasilkan dua penemuan baru, iaitu teknik dan strategi penganalisan ayat berdasarkan Rajah Pohon (RP) dan Unsur Bawahan Terdekat (UBT) dan strategi penyepaduan kemahiran bahasa dengan strategi penulisan esei secara kelas, kumpulan kecil, penulisan individu, dan penulisan komuniti. Berdasarkan elemen Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS, 2003), penemuan ini amat berfaedah dan sangat bermanfaat untuk digunakan oleh guru-guru di seluruh Malaysia, khususnya dalam kemahiran menulis.

Abstract of thesis presented to the Senate Universiti Putra Malaysia, in fulfilment of requirement for the degree of Philosophy of Doctorate.

**THE EFFECT OF SYSTEMATIC DISCOURSE
EXERCISES IN ARGUMENTATIVE ESSAY WRITING SKILLS**

By

ALI BIN HAJI MAHMOOD

April 2005

Chairperson : Associate Profesor Shameem binti Rafik Khan, PhD

Faculty : Studies of Modern Languages and Communications

This study intends to collect data on the Effect of Systematic Discourse Exercises (SDE) in writing skills among Form Four students in two secondary schools in the district of Hulu Langat and one secondary school, in the district of Banting, Selangor Darul Ehsan, respectively. This study is aimed at identifying if there exist any behavioral changes among the sample in the learning process using SDE. The data in this study was obtained in two phases; administration of pre-test subsequently followed by the post-test. These two tests were intended to identify the effectiveness in sentence-construction skills in argumentative writing; analyzing the characteristics of the discourse; the usage of discourse markers and skills in argumentative writing.

Questionnaires were used to obtain information with regards to the achievement in Bahasa Malaysia in the Penilaian Menengah Rendah (PMR) among the sample. Information on the learning of Bahasa Malaysia was also taken into account. The items



for the pre and post tests were designed to obtain data on sample's proficiency in aspects of writing, analysis, usage and writing of argumentative discourse.

The theoretical framework adopted in this study is based in Kineavy's Theory of Discourse Objective (1971), supported by Toulmin's Discourse Model (1998) and Latullipe's Writing Styles (1996). The theory and model has been adapted to meet the needs of this study, in line with Research Conceptual Framework, with the intention of obtaining precise data of the Pre and Post Tests.

The results of the T-test indicates that there is a significant difference among students of high achievement (HA), average achievement (AA) and low achievement (LA), in constructing argumentative sentences, the use of discourse markers and in writing argumentative essays. Analysis of variants (ANOVA) was used to indicate the significant difference within the three groups of students. However, student in the HA group performed relatively better than students in the AA and La groups.

It is quite obvious that SDE could effectively be used as training modules in teaching various forms of writing skills. The findings of this study indicate that SDE could be adapted to suit proficient and less proficient learners. Undoubtedly, if SDE is used in training and the teaching and learning of Bahasa Malaysia, it would certainly serve as an interesting and fun-filled technique.

In addition, the finding of this study has given rise to two new discoveries; technique and strategy in analyzing sentences using Tree Diagram (TD) and Immediate Constituent (IC)

and the integration of language skills with strategies in essays writing as a class, small groups, individual writing and community writing. In relation to School Based Evaluation (SBE, 2003), this discovery would serve as a useful tool for teachers in the teaching of writing throughout the nation.



PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Allah kerana dengan kurnia-Nya, dapatlah saya menyiapkan tesis kedoktoran ini akhirnya. Sepanjang penyiapan tesis ini, saya telah menerima bantuan dan amat terhutang budi kepada pihak-pihak terlibat.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya lafazkan untuk ketua penyelia tesis ini, iaitu Prof. Madya Dr. Shameem binti Rafik Khan kerana telah memberikan nasihat dan panduan yang amat berfaedah. Terima kasih saya rakamkan juga untuk penyelia-penyelia yang lain, iaitu Prof. Madya Dr. Bahaman bin Abu Samah, Prof. Madya Dr. Noor Aina binti Dani, dan Puan Sabariah binti Abd. Rashid atas segala bantuan mereka.

Selanjutnya saya merakamkan penghargaan ini kepada Puan Sabariah Mohd Amri, Puan Noorhayati binti Ahmad, Puan Siti Zaleha Yatim, Cik Siti Nur Hifdzan Ali, Puan Wan Azelina binti Wan Wan Aziz, dan En Hardi bin Hamdin yang banyak membantu saya dari segi taip-menaip tesis dari awal hingga akhir.

Saya juga tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan di Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari, Beranang, Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Changgang, Banting, Selangor Darul Ehsan kerana memberikan kebenaran kepada saya mengadakan penyelidikan di sekolah-sekolah yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.




Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi Ali bin Haji Mahmood telah mengadakan peperiksaan akhir pada 29 April 2005 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk "Kesan Latihan Wacana Secara Sistemik Terhadap Kemahiran Menulis Esei Argumentatif" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood Musanif, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Amat Juhari Moain, PhD
Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Datin Jamaliah Mohd Ali, PhD
Profesor
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)



ZAKARIAH ABDUL RASHID, PhD
Profesor/Timbangan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 JUL 2005

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Shameem Binti Mohd. Rafik Khan @ Rafik-Galea, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Bahaman bin Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Noor Aina Dani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Puan Sabariah binti Rashid

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor / Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 AUG 2005

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengaku bahawa tesis ini adalah berdasarkan hasil kerja saya sendiri kecuali dengan petikan dan kutipan yang telah dinyatakan rujukannya dengan jelas. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dikemukakan sebelum ini atau bersama-sama ini untuk mana-mana ijazah di UPM atau institusi-institusi selain UPM.



ALI BIN HAJI MAHMOOD

Tarikh: 15 Februari 2004

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
DEDIKASI	ii
ABSTRAKS	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	ix
SURAT KELULUSAN	x
PENGAKUAN	xii
ISI KANDUNGAN	xiii
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI RAJAH	xxiii
SENARAI SINGKATAN	xxx

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.3.1	Masalah Pelajar	8
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Hi[potesis Kajian	10
1.6	Pembatasan Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	14
1.8	Definisi Operasional	15
1.8.1	Kesan Latihan Wacana	16
1.8.2	Wacana	17
1.8.3	Secara Sistemik	22
1.8.4	Kesan Terhadap Kemahiran Menulis	26
1.9	Rumusan Bab 1	29
11	SOROTAN LITERATUR	30
2.1	Pendahuluan	30
2.2	Perspektif Teori	30
2.3	Kerangka Konsepsi Kajian	36
2.4	Penyelidikan Penulisan Wacana	40
2.5	Pendapat Tentang Kebolehan Menulis Karangan	45
2.6	Teori-teori Pembelajaran Bahasa yang Berkesan	55
2.7	Teori-teori Kemahiran Menulis Karangan	60
2.7.1	Hakikat Penulisan	68
2.7.2	Model Kemahiran Menulis Karangan	69
2.8	Kaitan Kemahiran Menulis Karangan dengan Pencapaian	75
2.9	Kajian-kajian tentang Tatabahasa Wacana	91
2.9.1	Penulisan Argumentatif	91
2.9.2	Perkembangan Analisis Wacana di Luar Negara	92



	2.9.3 Perkembangan Analisis Wacana di Malaysia	94
2.10	Komponen dalam Kecekapan Kemahiran Menulis	99
	2.10.1 Kecekapan Sinonim dengan Keupayaan sesuatu bidang khusus	99
	2.10.1.1 Kecekapan Kenahuan	100
	2.10.1.2 Kecekapan Wacana	100
2.11	Kemahiran Menulis	101
2.12	Perkaitan antara Kecekapan Wacana dan Kemahiran Menulis	105
2.13	Rumusan Sorotan Literatur	114
111	METODOLOGI PENYELIDIKAN	115
3.1	Pendahuluan	115
3.2	Kerangka Teoritis Kajian	115
3.3	Kerangka Konseptual Penyelidikan (KKP2)	130
3.4	Rancangan Penyelidikan	142
3.5	Pembolehkan Bersandar	151
3.6	Pembolehkan Bebas	151
	3.6.1 Pencapaian BM Dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR)	152
3.7	Latihan dan Wacana BM	153
3.8	Instrumentasi	155
	3.8.1 Soalan Objektif	156
	3.8.2 Ujian Penulisan	156
	3.8.3 Peraturan Pemarkahan	158
3.9	Soal Selidik	158
3.10	Ujian Pra dan Ujian Pasca	161
3.11	Kesahan Instrumen	161
3.12	Reka Bentuk Penyelidikan	163
3.13	Prosedur Kajian	166
	3.13.1 Pemilihan Tempat Kajian	166
	3.13.2 Penentuan Sekolah	168
	3.13.3 Penentuan Saiz Sampel	168
	3.13.4 Pemilihan Sampel	171
3.14	Penganalisisa Data	172
3.15	Rumusan	173
1V	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	175
4.1	Pendahuluan	175
	4.1.1 Dapatan Kajian Rintis	177
	4.1.2 Profil Sampel Kajian	181
	4.1.3 Keputusan dan Persembahan Dapatan	182
4.2	Dapatan Penyelidikan Peringkat Ujian Pra	183
	4.2.1 Pembinaan Ayat Wacana Argumentatif	183
	4.2.2 Penganalisisan Ciri Wacana Argumentatif	184
	4.2.3 Penggunaan Penanda Wacana	185
	4.2.4 Penulisan esei Argumentatif	187
4.3	Perbincangan Dapatan Penyelidikan Peringkat Ujian Pra	187
	4.3.1 Dapatan Pembinaan Ayat Wacana Argumentatif	187

4.3.2	Dapatan Penganalisisa Ciri-ciri Wacana Argumentatif	197
4.3.3	Dapatan Penggunaan Penanda Wacana (PW)	201
4.3.4	Dapatan Penilaian hasil Penulisan Esei Argumentatif	205
4.4	Dapatan Penyelidikan Peringkat Ujian Pasca	207
4.4.1	Dapatan Pembinaan Ayat Wacana Argumentatif	207
4.4.2	Dapatan Penganalisisan Ciri-ciri Wacana Argumentatif	209
4.4.3	Penanda Wacana dalam Ujian Pasca	210
4.4.4	Dapatan Kajian Tentang Mengarang Esei Argumentatif	211
	4.4.4.1 Pemeriksaan secara Analitikal	213
	4.4.4.2 Pemeriksaan secara Holistik	225
4.5	Perbincangan dapatan Penyelidikan secara perbandingan peringkat pra-pasca	228
4.5.1	Pembinaan ayat wacana Argumentatif	230
4.5.2	Penganalisisan Ciri-ciri Wacana Argumentatif	246
4.5.3	Penggunaan Penanda Wacana	284
4.5.4	Penguasaan Sampel mengarang esei Argumentatif	296
4.6	Keputusan Penilaian Secara Kualitatif	302
4.6.1	Pemerhati 1	311
	4.6.1.1 Faktor tidak faham	312
	4.6.1.2 Faktor kognitif	312
4.6.2	Pemerhati 11	313
4.6.3	Pemerhati 111	313
4.6.4	Rumusan penggunaan penanda wacana	330
4.7	Perbandingan antara Teori Wacana Kineavy dengan Penyelidikan lain:	330
4.7.1	Teori Kineavy (K-L-T) dengan Ramage dan Bean, (1995)	331
4.7.2	Teori Kineavy (K-L-T) dengan Nicholas dan Nicholl (1991)	334
4.7.3	Teori Kineavy (K-L-T) dengan Muller (1994)	339
4.7.4	Model Toulmin's dengan Bell (1990)	344
4.8	Rasional Hipotesis Penyelidikan dengan Teori Matlamat Wacana dan Model Toulmin's	348
4.8.1	Rasional elemen penghujahan dengan Teori Kineavy dan Model Toulmin's	349
4.8.2	Rasional Teori Wacana Kineavy dengan Objektif 1 dan Hipotesis 1	354
4.8.3	Rasional Teori Wacana Kineavy dengan Objektif 11 dan Hipotesis 11	355
4.8.4	Rasional Teori Wacana Kineavy dengan Objektif 111 dan Hipotesis 111	356
4.8.5	Rasional Teori Wacana Kineavy dengan Objektif 1V dan Hipotesis 1V	356
	4.8.5.1 Pencapaian sampel bernombor kod 004	358
	4.8.5.2 Pencapaian sampel bernombor kod 004	359
	4.8.5.3 Pencapaian sampel bernombor kod 026	361

4.8.6	Dapatan Pencapaian Sampel Berdasarkan Analisis antara Kumpulan	362
4.8.6.1	Perbezaan min antara Kumpulan PBT, PBS, PBR bagi pembinaan ayat wacana argumentatif	363
4.8.6.2	Perbezaan min antara Kumpulan PBT, PBS, PBR bagi analisis ciri wacana argumentatif	366
4.8.6.3	Perbezaan min antara Kumpulan PBT, PBS, PBR bagi analisis penanda wacana	369
4.8.6.4	Perbezaan min antara Kumpulan PBT, PBS, PBR bagi penulisan esei argumentatif	372
4.9	Rumusan dapatan dan Perbincangan	376
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	379
5.1	Pendahuluan	379
5.2	Rumusan	379
5.2.1	Hasil-hasil Perkiraan	380
5.2.1.1	Penguasaan Sampel dalam Aspek Pembinaan Ayat	383
5.2.1.2	Penganalisan Ciri-ciri wacana Argumentatif	386
5.2.1.3	Penggunaan Penanda Wacana yang sesuai dan tepat	387
5.2.1.4	Pencapaian sampel dalam penulisan esei argumentatif	391
5.3	Penemuan strategi-strategi baru	395
5.3.1	Strategi Penguasaan Tatabahasa, khususnya Ayat Majmuk	395
5.3.2	Strategi Proses Penulisan Terkini Dalam Penentuan Kemahiran Menulis	415
5.4	Cadangan untuk Menggalakkan Latihan yang Sistemik	424
5.5	Implikasi Penyelidikan	426
5.5.1	Implikasi terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan	426
5.5.2	Implikasi terhadap Guru BM	429
5.5.3	Implikasi terhadap sekolah dan institusi pengajian tinggi	430
5.5.4	Implikasi terhadap KPM	431
5.6	Cadangan untuk Kajian selanjutnya	432
5.7	Rumusan Keseluruhan	436
	BIBLIOGRAFI	437

SINGKATAN

A	-	Ayat
A1	-	Hujah
A2	-	Data
A3	-	Andaian
AK	-	Ayat Komplemen
AI	-	Ayat Induk
AO	-	Kod
AP	-	Ayat Penutup
AR	-	Ayat Relatif
AS	-	Ayat Sokongan
AT	-	Ayat Topik
AM	-	Ayat Majmuk
AMG	-	Ayat Majmuk Gabungan
AMBM	-	Ayat Majmuk Bahasa Melayu
AMP	-	Ayat Majmuk Pancangan
ANOVA	-	Analisis Varian
B1	-	Sokongan
B2	-	Pematahan Hujah
B3	-	Penambahjelaskan Hujah
BBT	-	Bahagian Buku Teks
BM	-	Bahasa Melayu
BMT4KBSM	-	Bahasa Melayu Tingkatan 4 Kurikulum Baru Sekolah Menengah
BMT5KBSM	-	Bahasa Melayu Tingkatan 5 Kurikulum Baru Sekolah Menengah
BSS	-	Bahagian Sekolah-sekolah
CRC	-	<i>Camera Ready Copy</i>
DPK	-	Dasar Pelajaran Kebangsaan
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
DV	-	Dependent Variables (Pemboleh ubah Bebas)
EPRD	-	<i>Education Planning and Research Development</i>
FSd	-	Frasa Sendi
FA	-	Frasa Adjektif
FK	-	Frasa Kerja
FN	-	Frasa Nama
FKKTr	-	Frasa Kerja Transitif
FKKTr	-	Frasa Kerja Tak Transitif
FSKK	-	Fakulti Sains Kemasyarakatan
FPN	-	Fasafah Pendidikan Negara
Hy	-	Hipotesis
HyO	-	Hipotesis Null
HSP	-	Huraian Sukatan Pelajaran
IAB	-	Institut Aminudin Baki
IBMM	-	Institut Bahasa Melayu Malaysia



INTAN	- Institut Tadbiran Awam Negara
ICT	- Information Communication Technology
IPT	- Institut Pengajian Tinggi
IV	- Independent Variables
JPNS	- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
KAW	- Kumpulan Kawalan
KBSM	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KM2S	-
KEKs	- Kumpulan Eksperimen
()	- Kosong
KHK	- Kata Hubung Komplemen
KHPR	- Kata Hubung Pancangan Relatif
KR	- Kata Relatif
KRM	-
KHBe	- Kata Hubung berpasangan
KGN	- Kata Ganti Nama
KGD	- Kata Ganti Diri
KGNG	- Kata Ganti Nama Gelaran
KGNAM	- Kata Ganti Nama Am
Kbil	- Kata Bilangan
KKP	- Kerangka Konseptual Penyelidikan
KNa	- Kata Nafi
KB	- Kemahiran Belajar
KKet	- Kata Keterangan
KKTr	- Kata Kerja Tak Transitif
KNKh	- Kata Nama Khas
KHGB	- Kata Hubung Gabungan Bawahan
KHG	- Kata Hubung Gabungan
KHP	- Kata Hubung Pancangan
KHBe	-
KT	- Kata Tanya
KD	-
KHTS	- Kata Hubung Tidak Sekata
KNTer	- Kata Nama Terbitan
KT	- Kata Tunjuk
KNAM	- Kata Nama AM
KK	- Kata Kerja
KP	- Kata Permukaan
KBKK	- Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif
KKA	- Kata Kerja Aktif
KKPa	- Kata Kerja Pasif
KH	- Kata Hubung
KONPEN	-
LAD	- Language Acquisition Devices
LST	- Latihan Secara Terancangan
LWSS	- Latihan Wacana Secara Terancang

LT	- Latihan Terancang
LPM	- Lembaga Peperiksaan Malaysia
LPP	- Lembaga Pertubuhan Peladang
M	- Modem
MHP	- Model Hipotetikal Penjelasan
N	- Jumlah
OBJ	- Objektif
P	- Predikat
PACA	- Penulisan Ayat Bercirikan Argumentatif
PBR	- Pelajar Berpencapaian Rendah
PBS	- Pelajar Berpencapaian Sederhana
PBT	- Pelajar Berpencapaian Tinggi
PCW	- Penganalisan Ciri Wacana
PEA	- Penulisan Esei Argumentatif
PMR	- Penilaian Menengah Rendah
PPK	- Pusat Perkembangan Kurikulum
PKT	- Pendekatan, Kaedah, dan Teknik
PPW	- Penggunaan Penanda Wacana
PRm	- Persampelan Rawak Mudah
PW	- Penanda Wacana
P1	- Pelatih @ Jurulatih
PU	- Penilaian secara Undian
P2	- Pelatih @ Pelajar
RP	- Rajah Pohon
S	- Semantik
S	- Subjek
Sd	- Standard Devians
SD	- Struktur Dalaman
SP	- Subjek Pelajaran
SIEKS	- Sampel eksperimen (Kumpulan Eksperimen)
SIG	- Signifikan
SMA	- Sekolah Menengah Atas
SMK	- Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKJ	- Sekolah Menengah Khir Johari
SMBC	- Sekolah Menengah Bukit Changgang
SMKJ3	- Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan 3, Bandar Baru Bangi
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
SPBM	- Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia
SPSS-X	- <i>Statistical Packages for the Social Science</i>
TB	- Tatabahasa
T4	- Tingkatan 4
T5	- Tingkatan 5
TG	- Transformasi Generatif

TM	- Teori Mentalis
TTBBMB	- Tatabahasa Melayu Baru
TWK	- Teori Wacana Kineavy
UP	Ujian Pra dan Pasca
UBT	- Unsur Bawahan Terdekat
UKM	- Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	- Universiti Putra Malaysia
UM	- Universiti Malaya
∅	- Kosong
Y2K	- Year Two Thousand (Tahun 2000)
Σn	- Jumlah Sampel

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kemahiran bahasa, iaitu kemahiran bertutur, membaca, dan menulis perlu dilatih dan diajarkan secara sistematik. Berdasarkan hakikat ini, fungsi guru bagi pengajaran, latihan wacana, dan penulisan sangat diperlukan untuk meningkatkan kecekapan dan seterusnya mencapai kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran menulis dalam kalangan pelajar (Pusat Perkembangan Kurikulum, PPK, 1989).

Hal ini demikian kerana bahasa merupakan wahana komunikasi yang penting antara manusia dengan manusia yang menjadi penggunaanya. Dengan kata lain, bahasa memainkan peranan yang penting untuk membolehkan manusia berhubung sama ada dalam bentuk pertuturan atau tulisan atau kedua-duanya sekali. Sehubungan dengan itu, usaha memartabatkan BM ke tahap yang tinggi dan sesuai dengan peranannya sebagai bahasa kebangsaan, rasmi, dan lingua franca perlu diberikan perhatian dan pertimbangan yang utama. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu (BM) sudah diperkembang dan digunakan di peringkat global. Yang menarik ialah BM yang mempunyai penutur

kira-kira 200 juta umat ialah bahasa yang berada di tangga ke sembilan daripada 6000 bahasa di dunia (Berita Harian : 1996).

Oleh yang demikian, kemahiran berbahasa mestilah merangkumi pertuturan, bacaan dan pemahaman, dan penulisan yang berasaskan pengetahuan, dan pengalaman serta pengiraan dengan operasi asas matematik, iaitu operasi tambah, operasi kurang, darab, dan bahagi (Mok, 1992). Bidang kemanusiaan dan alam sekeliling pula berasaskan pengalaman asas hidup dari alam sekeliling atau persekitarannya manakala bidang perkembangan diri individu meliputi aspek intelek, rohani, emosi, bakat, moral, nilai estetika, dan sosial (PPK, 1987).

Bagi memantapkan kemahiran berbahasa dalam BM, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) hendaklah diperkembang terus ke dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pada peringkat KBSM, tumpuan mata pelajaran Bahasa Melayu akan diutamakan dalam aspek kecekapan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi. Hal ini sejajar dengan matlamat Sukatan Pelajaran BM, iaitu untuk melahirkan pelajar yang fasih dan lancar dalam pertuturan, cekap, kritis, kreatif, dan analitis dalam lisan, bacaan, dan penulisan (PPK, 1989).

Sejajar dengan itu, matlamat pendidikan Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah digubal untuk mencapai tujuan yang khusus, iaitu

pelajar. Para pelajar diharapkan akan dapat berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, dan tidak rasmi, kritis, serta kreatif melalui lisan dan penulisan (PPK, 1989).

Pada peringkat sekolah menengah atas, iaitu tingkatan empat dan lima, kecekapan dalam kemahiran lisan dan menulis adalah untuk mencapai ketrampilan berbahasa agar pelajar boleh berbicara, berpidato, menilai, dan mengulas sesuatu bahan dengan kritis. Pelajar juga harus dapat menghasilkan penulisan kreatif yang berbentuk keperihalanan, fakta, imiginasi, dan perbincangan yang panjangnya tidak kurang daripada 300 patah perkataan dengan bahan yang mencabar dan aras bahasa yang tinggi (PPK, 1989).

Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia (SPBM) bagi peringkat sekolah menengah atas, iaitu tingkatan empat dan lima menetapkan supaya pelajar-pelajar dapat menguasai kecekapan berbahasa dalam kemahiran menulis seperti membuat karangan daripada lakaran dan catatan dengan menggunakan kata, frasa, dan ayat yang betul, memerengankan karangan mengikut urutan isi dan gaya yang betul, membina ayat yang betul, tepat, gramatis, dan indah semasa berbicara, membina pelbagai ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan dalam konteks, membina pelbagai ayat majmuk, membina ayat-ayat dalam perenggan untuk mengembangkan isi bagi

menghasilkan karangan, menulis surat rasmi seperti surat permohonan, jemputan, aduan, perjanjian, dan surat akuan, menulis surat kiriman tidak rasmi, pengumuman, berita, laporan, teks ucapan, minit mesyuarat, ceramah, menulis dialog, wawancara, dan skrip drama, menghasilkan karangan yang bertajuk peribahasa dan cogan kata, menghasilkan ulasan, kritikan terhadap tajuk, pernyataan isu semasa, cerpen dan novel, dan menghasilkan karya puisi seperti pantun, syair, dan sajak (PPK, 1989).

Jelaslah bahawa kemahiran menulis amat ditekankan oleh pihak penggubal kerana kemahiran ini mencerminkan keupayaan sistem pengajaran BM bagi melahirkan pelajar yang matang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Proses latihan menulis karangan secara umum dan khusus amat penting dan banyak dibincangkan oleh pakar pendidikan. Pinsent (1989) menyatakan bahawa kaedah latihan bergantung pada perkara-perkara yang berikut, iaitu; (i) penggunaannya, (ii) pelatih yang belajar melaluinya, (iii) bagaimana kaedah itu digunakan, (iv) pelatih yang diajar, dan (v) matlamat atau objektif latihan. Pendapat Pinsent dapat digambarkan dalam rajah 1.